

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/2/JLD12 (80)

Tarikh: 6 Februari 2015

KENYATAAN AKHBAR

BAKAT MUDA DIPELAWA SERTAI PROGRAM SKUASY MBPJ

Bakat-bakat muda yang mempunyai minat mendalam terhadap sukan skuasy dipelawa untuk menyertai Program Pembangunan Skuasy Junior 2015 anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Penyelaras program, Mary Ong, berkata MBPJ mensasarkan penyertaan daripada kanak-kanak berusia 5 tahun hingga 12 tahun untuk digilap bakatnya supaya boleh diketengahkan ke peringkat lebih tinggi bergantung kepada komitmen dan prestasi pemain itu.

Beliau berkata kanak-kanak sekolah yang berminat untuk menghadiri program latihan hujung minggu berkenaan boleh mendaftar di Kompleks Sukan Astaka, Petaling Jaya pada 14 Februari ini bermula jam 2.00 petang dan latihan adalah percuma.

“Tiap-tiap pelatih yang berminat di beri 'trial period' 3 bulan untuk memastikan minatnya terhadap latihan ini.”

“Berdasarkan kepada kemajuan mereka, kita akan memberi pendedahan dalam pertandingan dalaman terlebih dahulu,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Ong berkata pemain harapan yang dikenalpasti daripada program ini akan diberi peluang untuk menyertai latihan ini.

“Mereka kemudiannya akan didedahkan dengan kejohanan kumpulan umur yang dianjurkan Persatuan Skuasy Malaysia,” katanya lagi.

Program Pembangunan Skuasy Junior ini dimulakan sejak tahun 1990 dan memainkan peranan besar bagi mempromosi pembangunan skuasy di peringkat negeri dan negara.

Program ini juga berjaya melahirkan beberapa pemain skuasy bertaraf antarabangsa seperti Micheal Soo, Kelvin Ho, Ong Beng Hee dan Tricia Chuah.

Untuk maklumat lanjut orang ramai boleh menghubungi penyelaras program di talian 017-8815066.

Disediakan oleh,

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**